

Buletin

PADAT

PERBADANAN ADAT MELAYU & WARISAN NEGERI SELANGOR



ADAT MELAYU DAN WARISAN SELANGOR TUNGGAK PERADABAN NEGERI | BIL. 2 JULAI - DISEMBER 2015 | www.padat.gov.my

TEMASYA SENI CEMPULING NEGERI SELANGOR

25 JAM TANPA HENTI BAGI CATATAN
MALAYSIA BOOK OF RECORDS

THE
MALAYSIA
BOOK
of
RECORDS®



SEMBANG -
SEMBANG WARISAN :
TEKAT GUBAH
BENANG EMAS

11

BENGKEL PEMANTAPAN
PENULISAN BUDAYA
DAN WARISAN
SELANGOR

18

TEMASYA PADAT :
BUDAYA DAN
WARISANKU

24

SEKAPUR SIREH



Mohd Faizul Fitri Bin Muslil, P.P.T
Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Adat Melayu dan
Warisan Negeri Selangor (PADAT)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Pemurah...

Alhamdulillah, syukur kepada yang Maha Esa, Buletin PADAT kali ini kembali diterbitkan untuk edisi Julai hingga Disember 2015. Buletin kali ini menitipkan segala aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh pihak PADAT termasuklah program kemasyarakatan, aktiviti kesenian dan budaya, seminar pewarisan ilmu, lawatan kerja dan latihan kepada kakitangan serta maklumat hasil penyelidikan kakitangan PADAT yang dapat dikongsikan bersama dalam usaha menjadikan negeri Selangor sebagai sebuah negeri "Baldatun Tawhibatun Warabbun Ghafur". Sekalung jutaan terima kasih ditujukan kepada semua penulis artikel yang sudi berkongsi dan menyumbangkan buah fikiran mereka dan Unit Arkib & Penerbitan PADAT bagi penerbitan kali ini. Semakin hari cabaran dalam kehidupan semakin dirasai. Rentetan itu PADAT terlibat dengan lebih aktif dalam aktiviti pemuziuman, adat Melayu, pembangunan, penghasilan koleksi, buku & jurnal dan lain-lain bagi memenuhi kehendak stakeholder dan Sasaran Kerja Tahunan 2015.

Besar harapan saya, agar segala aktiviti yang dilaksanakan ini dapat menjadi satu pengalaman berharga kepada semua kakitangan, seterusnya dapat menepati visi dan misi PADAT ke arah menjadikan Selangor pusat unggul serantau dalam memartabatkan adat Melayu dan warisan negeri Selangor seiring dengan tema "Membangun Smart Selangor Yang Peduli".

Sekian, terima kasih.

SIDANG REDAKSI

Penaung

YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
Pengerusi PADAT

Penasihat

Mohd Faizul Fitri Bin Muslil, P.P.T
Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Editor

Mohd. Lotfi bin Nazar

Editor

Abdullah Anas bin Abu Bakar
Aznizah binti Kamisan

Fotografi

Ali Imran bin Mohd Raus
Reeza Radzi bin Rosnan

Edaran

Farhani binti Shamsudin
Rafida binti Rahmat

Terbitan

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan
Negeri Selangor
d/a Muzium Sultan Alam Shah
Persiaran Bandaraya 40000 Shah Alam,
Selangor

Telefon

03-5519 0050/ 03-5519 7604/
03-5510 3190/ 03-5510 3220

Buletin PADAT diterbitkan dan diedarkan dua kali setahun. Sebarang pendapat dan fikiran yang tersiar di dalam Buletin PADAT tidak semestinya mencerminkan pendapat dan fikiran pengurusan PADAT. Kandungan yang diterbitkan boleh disiarkan semula dengan izin Ketua Editor Buletin PADAT. Sidang Redaksi mengalu-alukan berita dan rencana daripada kakitangan jabatan. Sidang redaksi juga berhak menyunting bahan-bahan berkenaan.

Faks

03-5510 1799

Website

www.padat.gov.my

Emel

info@padat.gov.my

ANDA MAHU MENYUMBANG ARTIKEL UNTUK JURNAL SERI ALAM?

Sumbangan penulisan artikel Jurnal Seri Alam adalah terbuka kepada penulis dari dalam atau luar PADAT dan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau Inggeris. PADAT sedia menerima sebarang artikel yang berkaitan sejarah, kesenian, kebudayaan, ekonomi, arkeologi, bahasa, pendidikan, ilmu kejadian dan lain-lain yang mempunyai kaitan dengan Alam Melayu khususnya negeri Selangor Darul Ehsan.

Untuk keterangan lanjut sila layari
www.padat.gov.my

AKTIVITI SEPANJANG BULAN JULAI - DISEMBER 2015

JUL

- 6 Julai - 28 Ogos** Ekskavasi Tapak Nisan Aceh Kampung Lubok Jaya Kuala Selangor Fasa 2
7 - 10 Julai Familiarisation Trip (Fam Tour) Negara China Ke Selangor
9 Julai Majlis Khatam Al-Quran dan Berbuka Puasa
19 Julai Pameran Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Selangor 2015

OGS

- 31 Julai - 4 Ogos** Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan
10 Ogos Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri
18 Ogos Program Sembang-Sembang Warisan : Tekat Gubah Benang Emas
24 - 25 Ogos Bengkel Tuntutan Perjalanan Dan Elaun Lebih Masa Siri Ke Dua
26 - 27 Ogos Lawatan Kerja Rasmi Ke Muzium-muzium Penang dan Kedah
30 Ogos Sambutan Malam Kemerdekaan 2015 ke-58 dan Hari Malaysia

SEP

- 11 - 12 September** Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) Daerah Petaling
15 September Perhimpunan Bulanan Jabatan
18 - 20 September Pesta Masakan Warisan Melaka
22 September Seminar Memartabatkan Adat Resam Perkahwinan Melayu
28 - 29 September Kursus Kepimpinan Pengurusan dan Profesional

OKT

- 2 - 3 Oktober** Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) Daerah Sepang
6 - 7 Oktober Kursus Pemandu Lawatan Muzium
22 Oktober Bengkel Pemantapan Penulisan Budaya Dan Warisan Selangor
23 - 24 Oktober Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) Daerah Gombak
26 - 28 Oktober Lawatan Kerja Rasmi Ke Pantai Timur oleh Pembantu Muzium

NOV

- 12 - 16 November** Lasbela Ke Utara Oleh Staf Bahagian Adat Melayu Dan Warisan
13 - 14 November Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) Daerah Hulu Langat
19 November Pameran Terkenang Masa Dahulu Zaman Kanak-Kanak
20 - 22 November Temasya PADAT: Budaya dan Warisanku
23 - 28 November Lawatan Kerja Rasmi Bahagian Adat Melayu dan Warisan ke Sabah dan Sarawak
23 - 27 November Lawatan Kerja Rasmi Bahagian Permuziuman Ke Muzium-Muzium Dan Tempat-Tempat Warisan Di Sarawak
30 Nov - 1 Disember Program Retreat Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor

DIS

- 4 - 5 Disember** Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) Daerah Hulu Selangor
11 Disember Majlis Jamuan Teh Diraja Sempena Ulangtahn Hari Keputeraan Ke 70 D.Y.M.M Sultan Selangor
15 Disember Pesada KRK
19 - 20 Disember Temasya Seni Cempuling Negeri Selangor 25 Jam Tanpa Henti Bagi Catatan 'Malaysia Book of Rekod'
24 Disember Perarakan Maulidur Rasul



TEMASYA SENI CEMPULING NEGERI S 25 JAM TANPA HENTI

19 - 20 DISEMBER 2015, PUSAT AKTIVITI HOMESTAY

TEMASYA SENI CEMPULING NEGERI SELANGOR

Kumpulan Cempuling Warisan Era Baru Bukit Kapar, Klang membuat persembahan pertama bagi permulaan catatan 25 jam tanpa henti 'The Malaysia Book Records'.



**25 JAM TANPA HENTI BAGI CATATAN
MALAYSIA BOOK OF RECORDS**

OLEH : COMEIL PUTERI BINTI IBRAHIM

Buat Julung kalinya, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) mengadakan Temasya Seni Cempuling Negeri Selangor 25 Jam Tanpa Henti bagi catatan *Malaysia Book of Records* di Pusat Aktiviti Homestay Sg. Hj. Dorani, Parit 2, Sg. Besar pada 19 hingga 20 Disember 2015 bermula pukul 10.30 pagi (Sabtu) hingga 11.30 pagi (Ahad). Cempuling merupakan satu seni muzik tradisi masyarakat Jawa yang wujud sekitar tahun 1928 di Tanah Melayu. Kedatangan muzik Jawa ini adalah rentetan asimilasi yang berlaku di Kepulauan Jawa yang berasal dari keturunan Walisongo.

Ia merupakan medium dakwah yang mengajak masyarakat mendekati Islam melalui kesenian sewaktu pemerintahan kerajaan Demak yang dipimpin oleh Sunan Kalijaga. Penghijrahan masyarakat Jawa yang datang ke Selangor telah membawa bersama seni muzik ini ke Tanah Melayu.

Objektif utama program ini bagi menghimpunkan aktiviti kumpulan-kumpulan cempuling di Negeri Selangor mencipta rekod pertama mengalunkan muzik Cempuling selama 25 jam tanpa henti di dalam *Malaysia Book Of Records*. Justifikasi 25 jam adalah simbolik 25 tahun sambutan penubuhan Muzium Sultan Alam Shah.

Persembahan oleh Kumpulan Cempuling Irama Damai, Sg Lang Banting.



Pengurus Operasi, Malaysia Book of Records, Mr Christopher Hw Wong menyampaikan Mock Up Sijil Pengiktirafan Catatan Temasya Cempuling 25 Jam Tanpa Henti kepada KPE PADAT.





Kepentingan program ini diadakan untuk mengangkat dan memartabatkan Cempuling sebagai identiti muzik Negeri Selangor. Sebanyak 9 kumpulan cempuling di Negeri Selangor yang terdiri daripada 87 orang pemain cempuling terlibat dalam persembahan. Majlis dirasmikan oleh YB Tuan Sallehen bin Mukhyi, ADUN Sabak manakala Majlis Penutup oleh YB Dato' Dr. Hj. Ahmad Yunus Bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu Dan Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi, Merangkap Pengerusi PADAT.



Ucapan penutup oleh Oleh YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi
Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu, Pembangunan Desa
Dan Kampung Tradisi, Merangkap YB Pengerusi PADAT.



Nyanyian Kumpulan Cempuling Mat Pong,
Tanjung Karang, Selangor.



Antara lirik lagu 'Su Cekno' dalam bahasa Jawa yang
menarik perhatian YDH Dato OBD Sabak Bernam.



Antara urusetia di belakang tabir yang membantu dalam
merealisasikan 'The Malaysia Book of Records'.

Pada pukul 11.30 pagi kemuncak pengisytiharan finale dengan gabungan persembahan 9 kumpulan telah merakam kejayaan detik paling bersejarah buat PADAT dalam mencipta rekod persembahan cempuling 25 jam tanpa henti. Persiapan persembahan temasya telah dibuat bermula dengan sesi latihan pada 16 Disember di Muzium Sultan Alam Shah dan sesi raptai pada 18 Disember di Pusat Aktiviti tersebut.

Tuan Hj. Abdul Khalil Hassan merupakan koreografer muzik dan Dr. Ibrahim Ghaffar selaku Pembantu Pentas yang dilantik oleh PADAT bertindak sebagai tunjang dalam merealisasikan temasya ini. PADAT menghargai sumbangan setiap pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini. Diharap usaha seperti ini menjadi batu loncatan dan anjakan paradigma bagi mengubah persepsi masyarakat bahawa seni tradisi mempunyai nilai falsafah yang tinggi dan lambang keluhuran jati diri.

EKSKAVASI TAPAK NISAN ACEH KAMPUNG LUBOK JAYA KUALA SELANGOR, FASA 2

OLEH : INTAN SALINA BINTI IDRUS

Penemuan batu nisan Aceh ditapak kajian.



Kajian geofizik (ground penetration radar).

Kerja-kerja ekskavasi ini diketuai oleh Puan Intan Salina binti Idrus, Kurator Unit Penyelidikan Dan Pembangunan, PADAT. Ekskavasi ini telah dilaksanakan pada 6 Julai hingga 28 Ogos 2015. Objektif utama ekskavasi ini dilaksanakan untuk melengkapkan data yang sedia ada di samping mengumpul data-data terkini berkaitan nisan Aceh di negeri Selangor. Ekskavasi ini juga dilaksanakan oleh pihak PADAT dengan kerjasama daripada 28 orang pelajar dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sebelum ekskavasi dilaksanakan di tapak ini kajian ground penetration radar (GPR) telah dilaksanakan terlebih dahulu. Kajian GPR dilaksanakan pada 18 – 22 Mei 2015 dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) dan Jabatan Geofizik Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Kajian geofizik bertujuan mengesan kawasan tapak yang berpotensi sebelum melaksanakan kegiatan ekskavasi. Keluasan tapak ekskavasi adalah

sekitar 50 meter persegi manakala jumlah trench yang digali sebanyak 21 petak yang berukuran 2 meter x 2 meter. Dua struktur kubur lama yang menggunakan batu sungai sebagai batu nisan dan serpihan mangkuk tembikar batu merupakan penemuan dalam kegiatan ini. Oleh itu, penyelidikan seperti ini perlu diteruskan dari semasa ke semasa supaya bukti peninggalan budaya masa lampau di Selangor dapat didokumentasikan dengan lebih menyeluruh dan diiktiraf sebagai objek warisan Negara oleh Jabatan Warisan Negara.

FAMILIARISATION TRIP (FAM TOUR) NEGARA CHINA KE SELANGOR

OLEH : KALSOM BINTI SAMAD

Pada 7 hingga 10 Julai 2015 negeri Selangor telah menerima kunjungan daripada lawatan negara China ke Selangor yang dikelolai oleh Tourism Selangor Sdn. Bhd dengan kerjasama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) sempena Pesta Buah-buahan Malaysia. Antara buah-buahan yang menjadi tumpuan ialah seperti buah rambutan, pulasan, nangka, cempedak (nancem), jambu batu dan durian.

Pesta Buah-buahan berlangsung selama 3 hari di Hutan Lipur Kancing, Rawang dan The Wood Resort, Jalan Sungai Tua Hulu Selangor. Seramai 6,000 orang pengunjung dari negara China yang hadir ke negeri Selangor bagi melawat tempat-tempat yang menarik di Selangor sempena Tahun Melawat Selangor 2015. Di samping itu, makanan tradisi Selangor iaitu pecal dan barangan kraftangan Selangor yang mendapat sambutan hangat daripada pengunjung negara China juga turut diperkenalkan.

Aktiviti
PADAT



Buah-buahan tempatan.



Persembahan Tarian Selamat Datang Artis Budaya PADAT.



Persembahan tarian menjunjung duli.



Upacara memotong pulut kuning.

MAJLIS JAMUAN TEH DIRAJA SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KE 70 D.Y.M.M SULTAN SELANGOR

OLEH : KALSOM BINTI SAMAD

Kerajaan negeri Selangor bersama Pejabat Daerah Klang dengan kerjasama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor telah mengadakan Majlis Jamuan Teh DiRaja Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan D.Y.M.M pada 11 Disember 2015 di Padang Mahkota Istana Alam Shah, Klang. Majlis telah diserikan lagi dengan acara sambutan tradisi pembawa tepak sireh serta keris Melayu dan tarian Menjunjung Duli oleh Artis Budaya PADAT. Kumpulan Ngo's yang turut serta memeriahkan acara tersebut adalah Persembahan Seni Silat Serantih, Pemegang Bunga Manggar, Kumpulan Pergendangan Pelbagai Kaum (Gendang Selangor, Gendang Sembilan, Gendang Cina, Gendang Bangra), Kumpulan Kombo Gelombang Biru serta Pancaragam daripada Tentera Laut DiRaja Malaysia. Pada majlis Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-70 D.Y.M.M Sultan Selangor juga telah diadakan acara Menjamah Pulut Kuning dan Majlis Mengadap untuk para tetamu bersalam-salaman dengan D.Y.M.M. Sultan Selangor.



D.Y.M.M Sultan Selangor dan tetamu sedang mendengar ucapan dari Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



Sambutan tradisi oleh artis budaya PADAT membawa tepak sireh.



Aktiviti KELAB

Pada 9 Julai 2015 bersamaan 22 Ramadhan 1436 Hijrah yang lalu telah diadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Berbuka Puasa. Program tahunan ini dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) PADAT dan majlis dimulakan dengan aktiviti memasak bubur lambuk oleh semua staf PADAT. Manakala, pada sebelah petang pula berlangsungnya Majlis Khatam Al-Quran. Seramai 17 orang staf dipilih termasuk KPE PADAT bagi memperdengarkan bacaan surah lazim pada majlis tersebut. Kesemua staf bersama ahli keluarga yang hadir dihidangkan dengan pelbagai juadah untuk majlis berbuka puasa dan turut memeriahkan majlis ialah pelajar-pelajar dari Maahad Integrasi Tahfiz Sains & Teknologi Klang. Usai solat Isyak, KPE bersama staf serta tetamu kemudiannya mengerjakan solat tarawih bersama-sama.

Sama seperti tahun sebelumnya, pihak jawatankuasa bersama beberapa orang ahli bertungkus-lumus menyediakan dodol sebanyak dua kawah untuk kesemua staf PADAT. Program yang bermula pada 11.00 malam dan berakhir pada 8.00 pagi berjaya dilaksanakan dan dodol tersebut diagihkan kepada kesemua staf PADAT. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan untuk masa akan datang bagi mengeratkan silaturrahim antara kakitangan PADAT serta ahli keluarga mereka. InsyaAllah.

Staf PADAT bertungkus lumus bagi menyiapkan bubur lambuk.

Majlis Khatam Al-Quran Dan Berbuka Puasa

OLEH : AZRIZAL BIN AHMAD



KPE PADAT menikmati juadah yang disediakan bersama tetamu.



Duit raya diberikan kepada staf PADAT.

Majlis Rumah Terbuka HARI RAYA AIDILFITRI

OLEH : AZRIZAL BIN AHMAD



Warna-warni raya.



KPE sempat menunjukkan aksi tarian zapin bersama artis budaya PADAT.

“Berlululah sudah Ramadhan, sebulan berpuasa... tiba syawal kita rayakan dengan rasa gembira.”

Kedatangan Hari Raya Aidilfitri disambut meriah dengan adanya Majlis Sambutan Rumah Terbuka PADAT yang dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi Lembaga Muzium Selangor (KRKLMS) pada 10 Ogos 2015. Majlis rumah terbuka yang diadakan pada setiap tahun ini berlangsung di perkarangan lobi Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam. Selain itu, majlis ini disambut dengan meriah dan pelbagai hidangan menarik disediakan termasuk sedikit makanan tambahan dibawa oleh staf PADAT sendiri. Selain kakitangan PADAT, majlis juga diserikan lagi dengan kehadiran Pengerusi PADAT YB. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi dan juga tetamu jemputan daripada pada jabatan-jabatan. Pelbagai aktiviti dijalankan bagi memeriahkan lagi majlis, antaranya penyampaian duit raya oleh KPE PADAT kepada kesemua ahli kelab KRKLMS sebagai tanda terima kasih. Sambutan yang sederhana tapi penuh bermakna ini diharap dapat mengeratkan lagi ukhwah persaudaraan antara kakitangan PADAT.

PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT NEGERI SELANGOR

OLEH : KALSOM BINTI SAMAD



Urusetia PADAT bersama Menteri Besar Selangor.



Antara koleksi-koleksi peralatan acuan kuih muih tradisional yang di pameran.



Tanggal 19 Julai 2015 (Ahad) Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dibawah kelolaan Tourism Selangor Sdn. Bhd. Termasuk Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) telah mengadakan pameran di Stadium Shah Alam. Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Selangor ini dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Menteri Besar Selangor, EXCO Kerajaan Negeri, Ketua – Ketua Jabatan dan semua warga kerja negeri Selangor. Para jemputan adalah seramai 50,000 orang.

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor terlibat secara langsung sebagai perantaraan kepada orang ramai mengenai peralatan barang-barang koleksi acuan membuat kuih-muih tradisional Hari Raya. Antaranya acuan kuih bahu, pengukur kelapa, penapis kelapa, acuan kuih putu dan sebagainya. Peralatan ini digunakan dari era 60'an di mana sebahagiannya telah pupus ditelan arus pemodenan dan sebahagian lagi masih digunakan sehingga kini.

BENGKEL TUNTUTAN PERJALANAN & ELAUN LEBIH MASA PADAT SIRI KEDUA

OLEH : NOOR AIN FAIZAH BINTI MOHD FAMI

Pada 24 dan 25 Ogos 2015, bertempat di Grand Bluewave Hotel Shah Alam telah berlangsung Bengkel Tuntutan Perjalanan dan Elaun Lebih Masa bagi siri kedua yang dianjurkan oleh Unit Kewangan PADAT serta dibantu oleh 2 orang pelajar praktikal. Pada hari pertama bengkel ini dijalankan, taklimat telah disampaikan oleh Encik Ahmad Abid Abakia Bin Ab. Wahid dari Institut Perakaunan Negara. Beliau telah memberi keterangan lanjut mengenai tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa kepada peserta yang terlibat dalam bengkel tersebut. Pada hari kedua pula semua peserta diberikan tugas mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Tugas tersebut bertujuan untuk memberi pendekatan kepada peserta tentang keadaan sebenar kesilapan yang sering dilakukan oleh pemohon sewaktu membuat permohonan. Peserta juga diminta membuat pembentangan pada akhir bengkel tersebut. Semoga bengkel ini dapat memberi input yang jelas kepada para peserta yang terlibat.



Sesi soal jawab bersama Encik Abid.



Wajah-wajah para peserta yang meraih kejayaan pada kursus kali ini.

Kami mahu pulang pak! - Ketika menunggu bas di program Muzium Bersama Komuniti.



HMA 2015

PERINGKAT KEBANGSAAN

OLEH : RIZAL BIN
MUHAMAD JANAH

Hari Muzium Antarabangsa (HMA) yang diadakan setiap tahun oleh muzium-muzium seluruh dunia 18 Mei, merupakan hari yang memberi impak kepada dunia per muzium sejagat dalam usaha menarik perhatian umum terhadap program dan aktiviti muzium. Bertemakan "Muzium untuk Masyarakat Lestari" (Museums For Sustainable Society), sambutan kali ini berlangsung dari 31 Julai hingga 4 Ogos 2015 di negeri Perak dan telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 1 Ogos bertempat di Ipoh Parade.

Selain daripada pameran muzium, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang sambutan HMA ini, antaranya Malam Kesejahteraan, seminar, bengkel, Kembara Royal Belum, Muzium Bersama Komuniti, Heritage Walk, Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antara Pasukan Pilihan Muzium Menentang Pasukan Menteri Besar Perak serta acara Sukan Antara Zon. Majlis penutupan HMA disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, YAB. Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd.Kadir pada 4 Ogos 2015, pukul 8.00 malam bertempat di Dewan Kerajaan Negeri Perak.

Datang dari mana ni?..



Gambar bersama staf dan Ketua Pegawai Eksekutif PADAT serta mantan pengarah, Dato' Paiman Keromo.



Lawatan ke booth pameran PADAT.



'Pemain Terbaik' kata Dato' Seri Dr. Zambry dalam Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antara Pasukan Pilihan Muzium Menentang Pasukan Menteri Besar Perak.

Bergambar bersama hasil sulaman yang berjaya disiapkan.

Program Sembang-Sembang Warisan TEKAT GUBAH BENANG EMAS

18 OGOS 2015

Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah

Aktiviti
PADAT



SEMBANG-SEMBANG WARISAN : TEKAT GUBAH BENANG EMAS

OLEH : ROHAYU BINTI MOHD YUNUS

Dalam kesenian Melayu terdapat pelbagai hasil kerja tangan yang amat unik serta berada dalam kelasnya yang tersendiri. Tekat merupakan salah satu seni halus tersebut. Malahan seni kerja tangan daripada China ini begitu digemari oleh pembesar-pembesar Melayu dan sering menjadi pilihan para pembesar pada masa dahulu. Di Selangor, sulaman tekat gubah mungkin berada di ambang kepupusan.

Melihat kepada pentingnya seni warisan ini agar tidak pupus dan terus diwarisi, Bahagian Adat Melayu dan Warisan telah mengadakan Program Sembang-Sembang Warisan: Tekat Gubah Benang Emas. Majlis pewarisan ilmu ini diadakan pada 18 Ogos 2015 (Selasa) bersamaan 03 Zulkaedah 1436 Hijrah bertempat di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

Program ini telah menerima penyertaan seramai 34 orang yang terdiri daripada pelbagai agensi termasuklah dari permuziuman negeri, institusi pengajian tinggi dan orang perseorangan. Pada sesi 1, program diisi dengan penerangan mengenai sejarah, variasi, dan motif tekat gubah yang telah dikongsikan oleh YBhg. Dr. Saemah Yusof, Pensyarah Kanan, dari Fakulti Seni Reka Fesyen, UiTM, Shah Alam.

Seterusnya, para peserta diberi tunjuk ajar berkaitan dengan teknik dan proses menyulam tekat gubah yang disampaikan oleh Puan Rose Dahlina Rusli, Pensyarah dari fakulti yang sama. Rata-rata peserta yang baharu pertama kali mempelajari teknik ini begitu teruja untuk menyiapkan sulaman berdasarkan motif yang dipilih. Majlis berakhir pada pukul 5.00 petang, diakhiri dengan penyampaian cenderamata serta sijil penyertaan kepada semua peserta dan disampaikan oleh Encik Mohd Lotfi Nazar, Ketua Bahagian Adat Melayu dan Warisan, PADAT.

Bimbingan oleh Puan Rose Dahlina kepada peserta.



Puan Siti Aishah bergambar bersama Encik Mohd Lotfi Naza dengan hasil sulaman yang berjaya disiapkan.



Kejayaan aktiviti Program Karnival Kampungku Kesayanganku '3K' telah mendapat liputan media dan pihak kerajaan negeri berhasrat meneruskannya pada tahun 2016 dengan pengisian yang lebih menarik.

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah bertindak sebagai agensi penyelaras untuk program ini serta melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti JAIS, JAKEES, PADAT, MAIS, Pejabat Mufti, dan Pihak Berkuasa Tempatan Daerah dengan menggunakan peruntukan kewangan jabatan masing-masing. Bagi masyarakat setempat, program ini merupakan peluang berjumpa dengan pemimpin di peringkat negeri secara dekat bagi mengadu masalah atau persoalan yang berkaitan.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti perjumpaan dengan pemimpin dan masyarakat, bicara santai, forum perdana, pameran dan jualan, pemeriksaan kesihatan, pertandingan kesenian, persembahan kesenian dan sukaneka. Setelah menjelajah empat daerah sebelum ini, Program Karnival Kampungku Kesayanganku 3K diteruskan ke daerah Petaling, Sepang, Gombak, Hulu Langat dan yang terakhir di Hulu Selangor.

Alhamdulillah, sambutan yang diterima amat menggalakkan serta kerjasama dan komitmen yang tinggi turut diberikan oleh pemimpin dan masyarakat sepanjang aktiviti ini berlangsung. Antara kelainan yang diberi pada kali ini ialah program perkahwinan beramai-ramai di daerah Hulu Langat yang melibatkan 11 pasangan di Masjid Sungai Lui.

Begitu juga dengan program berkhata kanak-kanak yang diadakan di Masjid Jamek Ar-Rahman, Hulu Bernam, Hulu Selangor dengan penyertaan 11 orang kanak-kanak berumur antara 6-10 tahun. Uniknyanya pada acara ini, YB Dato Dr. Hj. Ahmad Yunus B. Hairi telah mengkhatakan kesemua kanak-kanak ini dan ianya berjalan dengan lancar.

Dalam karnival ini, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) bertindak sebagai agensi yang membawa mesej warisan, sejarah dan kebudayaan negeri. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah seperti pameran koleksi artifak Muzium Sultan Alam Shah, pertandingan masakan dan kuih tradisional, pertandingan seni khat, pertandingan gubahan sيره junjung, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan demonstrasi memanah tradisional. Pada tahun hadapan, pihak PADAT akan membuat penambahbaikan dari segi acara yang dipertandingkan serta pengisian program yang selaras dengan tema **"MEMBANGUN SMART SELANGOR YANG PEDULI"**. In Shaa Allah.

KARNIVAL KAMPUNGKU KESAYANGANKU

OLEH : ABDULLAH ANAS BIN ABU BAKAR

[3K]



Orang Besar Daerah Gombak, Y.A.D. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh semasa melawat pertandingan gubahan sيره junjung.



Warna-warni malam
ambang kemerdekaan.

Kiri, kanan, kiri, kanan... kawad bang...
jangan tak kawad ye...



Aktiviti
PADAT



SAMBUTAN MALAM KEMERDEKAAN KE-58 DAN HARI MALAYSIA

OLEH : MOHAMAD NOR BIN SAPAR



Segak bergaya kontinjen PADAT berbusana Pakaian
Tradisional Masyarakat Majmuk di Malaysia.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Begitulah laungan penuh semangat yang akan kita ungkapkan saban tahun dan kalimat tersebut merupakan ungkapan bersejarah untuk kita sebagai Bangsa Malaysia kerana menunjukkan satu simbolik kepada "KEBEBASAN" Negara daripada dijajah. Sejarah penjajahan bermula daripada tahun 1511 dimulakan oleh Portugis dan British sehingga 1957 telah banyak mengungkapkan lembaran peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Tanah Melayu. Sehubungan itu, ketibaan 31 Ogos pasti diserikan dengan sambutan mengingati hari kemerdekaan. Oleh itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi, telah mengadakan sambutan Malam Kemerdekaan pada malam 30 Ogos bertempat di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam. Tambahan lagi, pelbagai Agensi Kerajaan, NGO, Swasta, Badan Beruniform, IPTA, IPTS, Sekolah dan Pasukan Pancaragam termasuklah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), telah mengambil bahagian dalam acara perbarisan yang diadakan.

Alhamdulillah, dengan persiapan secara drastik akibat daripada kekangan masa dan komitmen tugas hakiki, pasukan perbarisan PADAT, telah menyandang hadiah saguhati. Bukan itu sahaja, bahkan Kumpulan Kesenian PADAT juga turut membuat persembahkan tarian yang berkonsepkan "Segmen Selangorku Harmoni". Acara gilang gemilang ini telah dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Exco-exco Kerajaan Negeri, Pengarah-pengarah Jabatan Kerajaan Negeri, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan juga rakyat negeri Selangor. Tahniah diucapkan kepada pasukan Perbarisan PADAT yang diketuai oleh Encik Rizal Muhamad Janah dan kesemua kakitangan lelaki yang segak berbusana tradisional masyarakat majmuk di Malaysia pada malam tersebut. Terima kasih juga, kepada urusetia yang terlibat memastikan segala urusan berjalan dengan baik dan lancar. Diharapkan agar pasukan ini mendapat tempat yang lebih baik untuk penyertaan pada masa akan datang.

KURSUS PEMANDU LAWATAN MUZIUM

OLEH : FARHANI BINTI SHAMSUDIN

Pada 6 hingga 7 Oktober 2015, telah diadakan kursus Pemandu Lawatan Muzium bertempat di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam. Kursus tersebut telah dihadiri oleh seramai 25 orang kakitangan daripada Unit Korporat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Permuziuman (Unit Pendidikan), dan muzium-muzium daerah. Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi meningkatkan kemahiran, memberi pendedahan dan panduan kepada kakitangan-kakitangan yang bertanggungjawab untuk memberikan khidmat lawatan berpandu kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke muzium-muzium di bawah pengurusan PADAT. Kursus ini juga dalam masa yang sama memberikan peluang kepada kakitangan yang telah berpengalaman dalam memberikan khidmat lawatan berpandu kepada kakitangan baharu. Menerusi kursus yang dibawakan oleh penceramah jemputan iaitu Pn. Siti Rohani binti Dato' Mohd. Nordin dari Knowlegde Tree Sdn. Bhd.

Para kakitangan yang hadir telah didedahkan terhadap perkara asas mengenai lawatan berpandu seperti ciri-ciri lawatan berpandu yang bagus, tugas dan tanggungjawab pemandu lawatan. Para kakitangan juga turut diberikan tips dan panduan bagi menggunakan kekuatan serta mengatasi kelemahan diri dalam mengendalikan lawatan berpandu, bentuk-bentuk tubuh badan yang perlu bagi menarik perhatian pengunjung, serta kaedah komunikasi yang bagus dalam menyampaikan maklumat kepada pengunjung. Pada penghujung kursus turut terdapat sesi pembentangan dan juga situasi-situasi ketika lawatan berpandu. Menyusul selepas kursus ini adalah sesi amali yang akan diadakan pada tahun 2016 di antara salah satu muzium di bawah PADAT bagi menilai kemahiran para kakitangan selepas menghadiri kursus ini.



LAWATAN KERJA RASMI KE MUZIUM-MUZIUM PENANG & KEDAH

OLEH :
RIZAL BIN MUHAMAD JANAH

Lawatan kerja rasmi ke Muzium Negeri Pulau Pinang, Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah (USM), Muzium Padi Kedah Darul Aman dan Kompleks Sungai Batu, Merbok disertai oleh 16 orang pegawai PADAT yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohd. Faizul Fitri bin Musliil. Lawatan ini bermula pada 26 Ogos 2015 dan berakhir pada 27 Ogos 2015.

Lawatan ini merupakan satu siri lawatan kerja Ketua Pegawai Eksekutif bersama pegawai-pegawai PADAT ke muzium-muzium di Utara Semenanjung Malaysia bagi menjalinkan hubungan kerjasama dan saling mengenali antara pengarah serta pegawai-pegawai muzium.

Lawatan ini juga bertujuan meninjau dan berkongsi maklumat mengenai kaedah-kaedah permuziuman yang digunakan dan seterusnya membincangkan tentang pembangunan ke arah meningkatkan tahap permuziuman di Malaysia.

Gambar bersama Encik Zolkarnain Hassan, Pengarah dan juga staff PADAT dan Galeri Tuanku Fauziah.



Kenangan, cenderahati daripada KPE, Encik Mohd Faizul Fitri bin Musliil.



Staff PADAT bergambar bersama Puan Haryany, Pengarah Muzium Negeri Pulau Pinang.





Memotong kek sempena sambutan hari kelahiran staf-staf berkenaan. Selamat Hari Lahir!

PERHIMPUNAN BULANAN **JABATAN**

OLEH : RAFIDA BINTI RAHMAT

Perhimpunan ini telah diadakan pada 15 September 2015 bersempena sambutan Hari Malaysia. Terdapat kelainan yang telah dilakukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif pada perhimpunan kali ini iaitu dengan menyeru kepada anggota organisasi PADAT untuk menyertai perhimpunan dengan cara beriadah bagi mengamalkan gaya hidup sihat. Walaupun kebanyakan negeri di Malaysia berhadapan dengan masalah jerebu pada waktu itu termasuklah di Selangor, perhimpunan ini tetap mendapat reaksi positif dalam kalangan staf.

Program dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan dan lagu negeri serta lagu Jalur Gemilang, bacaan doa, ikrar perkhidmatan awam dan deklamasi sajak patriotik. Sejurus itu, acara senaman aerobik dimulakan dengan diketuai oleh Artis Budaya, Kumpulan Kesenian PADAT dan berlangsung kira-kira selama satu jam. Setelah berpenat lelah daripada hasil aktiviti senaman aerobik, Ketua Pegawai Eksekutif memberikan sedikit amanat ringkas kepada kesemua staf yang menyertai perhimpunan ini. Acara diteruskan lagi dengan majlis penyampaian hadiah sempena ulang tahun kelahiran staf PADAT dan penyampaian sijil kepada para pemain bolasepak yang mewakili PADAT sempena perlawanan Piala T.S.U.K yang telah berlangsung pada 12 dan 13 September 2015 di Padang S.U.K. Shah Alam. Perhimpunan ini diakhiri dengan acara memotong kek hari jadi beramai-ramai dan jamuan ringan.



PESTA MASAKAN **WARISAN MELAKA**

OLEH : SITI SYABANA BINTI MOHD YUSOP

Kerajaan Negeri Melaka melalui Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Melaka telah menganjurkan Program Pesta Masakan Warisan Melaka bersempena Year of Festival 2015 pada 18-20 September 2015 bertempat di sepanjang Jalan Kota, Kompleks Warisan Melaka. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wira Hj. Hamdin bin Abdollah, Pengerusi Lembaga Pengarah pada 19 September 2015. Program ini ditumpukan kepada Demonstrasi Masakan Warisan Masyarakat berbilang kaum di Melaka dan juga dari negeri-negeri lain di Malaysia. Tambahan lagi, terdapat pelbagai acara sampingan yang turut diadakan seperti jualan produk kuih muih tradisional, persembahan kebudayaan dan pelbagai pertandingan yang menarik bagi mempopularkan masakan warisan Melaka/Malaysia ke merata dunia selaras dengan pengiktirafan yang diberikan oleh Pihak UNESCO. Tujuan pihak PADAT menyertai program ini adalah untuk memperkenalkan pelbagai masakan dari negeri Selangor Darul Ehsan serta mempopularkan masakan warisan negeri Selangor. Antara menu yang telah disediakan oleh jabatan, ialah Pecal, Sambal Taun, Kuih Lemper, Kuih Nagasari dan Bubur Sum-Sum. Pengalaman paling manis pada tahun 2015 adalah pihak jabatan telah memenangi booth/gerai terbaik secara keseluruhan.

Antara masakan tradisi Selangor yang disediakan iaitu Pecal.



Gimik Perasmian Pesta Masakan Warisan Melaka yang dilaksanakan oleh YBhg. Datuk Wira Hj. Hamdin bin Abdollah, Pengerusi Lembaga Pengarah PERZIM.





Sahibus Samahah Dato Setia Haji Mohd Tamyas membicarakan tajuk Adat Bersendikan Syarak, Syarak Bersendikan Kitab Allah.

Bergambar kenangan bersama penceramah dan Orang Besar Daerah Hulu Langat.



Majlis Pernikahan - Gambar Hiasan.

SEMINAR MEMARTABATKAN ADAT RESAM PERKAHWINAN MELAYU

OLEH : ROHAYU BINTI MOHD YUNUS

Buat julung kalinya, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) serta Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat serta JKKK Kampung Teras Jernang, Hulu Langat telah berganding bahu mengadakan Seminar Memartabatkan Adat Resam Perkahwinan Melayu. Majlis ini diadakan pada 22 September 2015 bersamaan 8 Zulhijjah 1436H bertempat di Dewan Saidina Abu Bakar, Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat, Kompleks Islam Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi.

Antara rasional seminar ini diadakan adalah untuk mengajak para peserta agar lebih memahami dan memperkasakan adat serta kesantunan dalam majlis perkahwinan Melayu agar tidak bercanggah dengan hukum syarak sebagaimana ungkapan "Adat Bersendikan Syarak, Syarak Bersendikan Kitab ALLAH".

Seminar yang membariskan pakar agama dan budaya seperti YBhg. Dr.Noriah Mohamed, Tuan Haji Mohd Yunus Aminuddin dan Sahibus Samahah Dato Setia Mohd Tamyas Abd Wahid, Dato Mufti Selangor telah menarik minat lebih 150 orang peserta dalam kalangan Penghulu, Ketua Kampung dan Imam di seluruh Daerah Hulu Langat. Seminar yang berlangsung selama setengah hari ini berakhir dengan penyampaian cenderamata oleh YDH Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Dato' Abdul Jalil bin Abd Rani.



YBhg. Dr Noriah Mohamed mengupas tajuk Perkahwinan Melayu - Tiang Seri Pembangunan Ummah.



Para peserta mengaminkan doa semoga majlis diberkati.

Kursus Kepimpinan Pengurusan dan Profesional anjuran PADAT ini diadakan pada 28-29 September 2015 bertempat di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah. Kursus ini dihadiri seramai 40 orang staf PADAT yang terdiri daripada kumpulan Profesional dan Sokongan Gred 22 ke atas.

Antara objektif utama kursus ini diadakan untuk menanamkan semangat dan sifat kepimpinan, setiakawan, bekerjasama dan bertolak-ansur dalam mencapai kecemerlangan sesebuah organisasi. Kursus selama dua hari ini telah disampaikan oleh Mantop Training & Consultancy Sdn. Bhd.

Melalui Kursus Kepimpinan Pengurusan ini, para peserta diberi pendedahan bahawa pemimpin merupakan peneraju yang akan menentukan hala tuju dan misi organisasi dalam mencapai matlamat jabatan. Di akhir program ini, peserta dapat mempelajari kaedah untuk memotivasi dan menginspirasi ahli pasukan bagi mewujudkan pasukan bekerja untuk mencapai kejayaan.



Nyanyi ke kak? Nak hilangkan mengantuk kita nyanyi dulu.



*Senyummm!!!
Bergambar bersama penceramah.*

KURSUS KEPIMPINAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

OLEH : ROSIAH BINTI MOHD TAP

Menyanyi bersama bagi menghilangkan tekanan.



Para peserta dengan penuh semangat menyiapkan tugas yang diberikan oleh penceramah.

BENGKEL PEMANTAPAN PENULISAN BUDAYA DAN WARISAN SELANGOR



Penyampaian sijil kepada peserta bengkel.

OLEH : MOHD SANI BIN HAJI SURADI

Penyelidik yang baik perlu memahirkan diri dalam aspek penulisan budaya dan warisan. Keupayaan dan kemampuan menguasai bidang ini akan membantu menghasilkan satu pendokumentasian yang lebih lengkap dan tepat. Atas kesedaran inilah, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Pemantapan Penulisan Budaya dan Warisan Selangor yang bertempat di Dewan Raja Lumu, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam pada 22 Oktober 2015 yang lalu.

Panel yang dijemput ialah Profesor Madya Dr. Hamed bin Mohd Adnan. Beliau merupakan Ketua Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya dan telah mengendalikan lebih 100 bengkel seumpama ini. Beliau juga merupakan Presiden Persatuan Editor Malaysia (PEM) dan telah memenangi Anugerah Penulisan Karya Ilmiah anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam bengkel tersebut, Dr. Hamed menerangkan bahawa penulis perlu mengetahui atau menentukan terlebih dahulu golongan sasaran pembaca majalah atau artikel yang bakal kita hasilkan agar maksud yang ingin disampaikan difahami oleh pembaca. Bengkel ini menyaksikan penglibatan seramai 30 orang peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti kakitangan PADAT sendiri, muzium-muzium di sekitar Negeri Selangor serta agensi-agensi luar kraftangan, jabatan-jabatan kerajaan dan para pelajar.

Sembang tawa di kalangan peserta bengkel.



Urusetia mendedarkan borang kepada peserta bengkel.



Para peserta bergambar bersama Ketua Pegawai Eksekutif PADAT dan penceramah bengkel.



LAWATAN KERJA RASMI KE PANTAI TIMUR OLEH PEMBANTU MUZIUM

Aktiviti
PADAT



OLEH : COMEIL PUTERI BINTI IBRAHIM

Pada 26 hingga 28 Oktober 2015 selama 3 hari 2 malam Bahagian Permuziuman di bawah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) mengadakan Lawatan Kerja Rasmi Pembantu-pembantu Muzium ke Muzium-muzium Pantai Timur. Seramai 21 orang yang terdiri dari 17 orang Pembantu Muzium dan 4 orang Penolong Kurator mengikuti lawatan tersebut dengan menaiki Bas Persiaran. Lawatan ini merupakan siri ketiga kesinambungan dari lawatan sebelum ini yang pernah diadakan di bahagian Selatan. Antara objektif lawatan adalah untuk memberi pendedahan kepada Pembantu-pembantu Muzium menimba pengalaman dalam

dan Kelantan. Pada hari pertama pukul 6.55 pagi, bas bertolak dari Muzium Shah Alam menuju ke Muzium Sungai Lembing. Lawatan tiba pada pukul 1.00 petang dengan taklimat ringkas dan lawatan berpandu oleh Puan Rubiah Mohd Yusof, Penolong Kurator. Destinasi seterusnya ke Terowong Sg. Lembing untuk melihat tapak peninggalan sejarah tersohor iaitu Lubang Sejuta yang sering menjadi sebutan penduduk setempat kerana dikatakan menjadi tumpuan pelombong haram mengali bijih besi selepas ia ditutup pada 1986. Perjalanan seterusnya menuju ke negeri Terengganu untuk menyaksikan Festival Gamelan Sedunia yang berlangsung di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu. Persembahan Gamelan terdiri dari kumpulan – kumpulan tempatan dan luar negara antaranya Unisza – Saga Warisan dari Terengganu, Samurai Wasabi dari

Antara replika artifak Firaun yang dipamerkan ketika Pameran Misteri Firaun : Musuh Para Nabi.



Antara persembahan yang menakjubkan ketika Festival Gamelan Sedunia.



bidang permuziuman terutamanya berkaitan konsep peragaan pameran terkini yang boleh diimplimentasi. Negeri-negeri pantai timur yang menjadi pilihan adalah negeri Pahang, Terengganu

Jepun, Kayu Gangsa dari United Kingdom, Hands Percussion dari Kuala Lumpur, Sanggar Bramawijaya dari Bali, Indonesia dan yang paling mendapat sorakan dengan persembahan yang menakjubkan ialah kumpulan Gabungan Garasi Seni Benawa & Gstarana dari Surakarta, Indonesia. Pada hari Kedua lawatan menuju ke Muzium Negeri Terengganu dan destinasi terakhir menuju ke Negeri Kelantan. Antara lokasi yang dilawati keesokan harinya adalah Muzium Negeri Kelantan (Pameran Tok Janggut, Sultan Mohammad Al Fateh dan Firaun), Muzium Adat Istiadat Kelantan @ Istana Jahar dan Muzium Islam Kota Bharu dan Muzium Perang (Bank Kerapu). Lawatan bertolak balik pada pukul 3.00 petang dari Kota Bharu dan tiba di Muzium Sultan Alam Shah pada pukul 2.00 pagi. Diharap dengan lawatan seumpama ini, meninggalkan impak positif kepada Pembantu-pembantu Muzium ke arah memajukan lagi institusi permuziuman dan secara tidak langsung mengeratkan lagi hubungan dua hala di antara PADAT dan Muzium-muzium Pantai Timur.



LAWATAN KERJA RASMI BAHAGIAN PERMUZIUMAN KE MUZIUM-MUZIUM DAN TEMPAT-TEMPAT WARISAN DI SARAWAK

OLEH : SITI SYABANA BINTI MOHD YUSOP
INTAN HAZNA BINTI ABDULLAH



Tiba di Lapangan Terbang Mulu, Sarawak
pada hari kedua lawatan.


Lawatan Kerja Rasmi Bahagian Permuziuman ke Sarawak telah diadakan pada 23 November sehingga 27 November 2015. Seramai 2 orang Kurator dan 8 orang Penolong Kurator pelbagai unit daripada Bahagian Permuziuman telah terlibat dalam lawatan ini. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat perkembangan dan mengkaji tempat-tempat warisan dan muzium di Sarawak dan seterusnya mengaplikasikan ke balai-balai di bawah Muzium Sultan Alam Shah dan Muzium-muzium daerah.

Pada tahun ini, lawatan kerja rasmi amat berbeza kerana membuat lawatan ke tempat-tempat warisan semula jadi. Lawatan ini telah diketuai oleh En Mohamad Aris bin Haji Sahid selaku Kurator Kanan merangkap Ketua Bahagian Permuziuman. Antara tempat-tempat yang dilawati adalah Gua Niah, Gua Mulu, Pantai Awam Miri, The Grand Old Day dan Muzium Petroleum. Lawatan kerja rasmi telah bermula di Gua Niah yang berada dalam Daerah Miri.

Keesokan harinya, lawatan telah diteruskan ke Gua Mulu dengan menaiki kapal terbang. Semasa melawat Gua Mulu terdapat hampir 7 gua yang telah kami lawati. Pelbagai pengalaman yang menarik semasa melawat gua-gua tersebut. Antara gua yang telah dilawati ialah Gua Angin, Gua Lang, Gua Rusa dan Gua Air Jernih. Perjalanan ke gua-gua ini sangat mencabar kerana perlu berjalan dan mendaki berjam-jam untuk menuju ke gua-gua tersebut.

Dengan keadaan hujan lebat, permukaan jalan yang agak licin telah menyebabkan perjalanan tersebut agak mencabar. Walau bagaimanapun, lawatan ini telah memberikan satu pengalaman yang tidak akan dilupakan kerana ada pelbagai peristiwa lucu dan mendebarkan. Tidak mudah bagi kami yang tidak mempunyai pengalaman mendaki gua-gua tersebut. Sejurus itu, ucapan tahniah harus diucapkan kerana kami telah berjaya menerokai Gua Niah dan Gua Mulu yang mengambil masa hampir 18 jam untuk mendaki kesemua gua-gua tersebut. Diharapkan lawatan ini dapat diteruskan bagi memberi pengalaman dari segi fizikal dan mental kepada semua staf bahagian.

Meniti jambatan gantung menuju ke
Gua Mulu, Sarawak.



Pelawat perlu menaiki bot mengharungi sungai
untuk ke National Park, Gua Niah.

Keadaan bentuk rupa bumi dalam
Gua Niah, Sarawak.



LASBELA KE UTARA OLEH STAF BAHAGIAN ADAT MELAYU DAN WARISAN

OLEH : ROHAYU BINTI MOHD YUNUS

Aktiviti
PADAT



Bak kata pepatah, "Jauh perjalanan, luas pengalaman", begitu jugalah yang dirasai oleh sepuluh orang staf Bahagian Adat Melayu dan Warisan yang berpeluang mengikuti Lawatan Kerja Rasmi ke Muzium-muzium, Galeri dan Pusat Kraf di negeri Perak dan Kedah pada 12 November 2015 hingga 16 November 2015. Lawatan yang diketuai oleh penulis, termasuklah Shahrulniza Nenin, Mohd Sani Suradi (Penolong Kurator), Mohd Fairuz Saari (Pereka), Mohd Faizal Ibrahim, Nordiana Badri, Mohd Jangi Zaimin, Azuan Mohamad (Pembantu Muzium) Asmidar Amir (Pembantu Perpustakaan), Reza Radzi Rosnan (Jurufoto) adalah bertujuan menambah ilmu pengetahuan dalam aspek pameran dengan melihat kepada teknik peragaan terkini selain mempelajari sendiri warisan kraf yang terdapat di negeri yang dikunjungi.



Aksi Mohd Fairuz menunjukkan bakat membuat labu sayong.



Merasai keseronokan di Muzium 3D Langkawi - Terbesar Di Malaysia.

Negeri Perak

12 November 2015 (Khamis)

Ipoh

- Melawat Muzium Darul Ridzuan
- Melawat Masjid Cina Pertama di Perak

Kuala Kangsar

- Menyusuri Sungai Perak Sayong.
- Melawat Galeri Sultan Azlan Shah
- Melawat dan solat di Masjid Ubudiah, Bukit Chandan.
- Belajar membuat labu sayong (Kg Paya Lintah)

13 November 2015 (Jumaat)

Taiping

- Melawat Muzium Perak

Sesungguhnya pengalaman yang dilalui sepanjang lima hari empat malam memberi pengalaman yang cukup bermakna buat kami. Sejambak kasih diucapkan kepada pihak Pengurusan PADAT kerana telah memberikan peluang ini kepada kami. Diharap program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Sekalung penghargaan terima kasih diucapkan buat semua agensi khususnya kepada yang telah memberi layanan mesra dan menghadaiah PADAT beberapa naskah buku.

Negeri Kedah (Langkawi)

14 November 2015 (Sabtu)

- Melawat Galeria Perdana
- Melawat KILIM Geopark Forest

15 November 2015 (Ahad)

- Melawat Art In Paradise Langkawi
- Makam Mahsuri
- Kompleks Kraf Langkawi (Belajar mencanting batik)

Melakukan aktiviti mencanting batik di Pusat Kraftangan Langkawi.



LAWATAN KERJA RASMI SABAH & SARAWAK

OLEH : AZNIZAH BINTI KAMISAN

Lawatan kerja rasmi ini diadakan pada 23 hingga 28 November 2015 dan merupakan salah satu aktiviti yang dirancang untuk Pelan Tindakan Strategik Tahun 2015 Bahagian Adat Melayu dan Warisan. Lawatan tersebut disertai oleh 10 orang kakitangan yang terdiri daripada Bahagian Adat Melayu dan Warisan serta seorang Pegawai Penerangan. Lawatan ini telah diketuai oleh Encik Abdullah Anas bin Abu Bakar. Tujuan lawatan adalah untuk memberikan pendedahan mengenai sejarah, adat, budaya masyarakat di Sabah dan Sarawak untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada kakitangan PADAT dalam memulihara, mempromosi dan menyebarkan aspek adat, budaya dan warisan negeri Selangor dalam mendidik masyarakat dan memartabatkan warisan identiti negeri. Antara tempat pertama yang dilawati ialah Muzium di negeri Sarawak iaitu Muzium Etnologi,

Aksi terakhir setelah puas menjelajah Kampung Budaya Mari-Mari selama 3 jam tanpa henti.



Muzium Kesenian, Muzium Warisan Islam, Muzium Tekstil, Muzium Sejarah Cina, Muzium Kucing dan Kampung Budaya Sarawak. Seterusnya destinasi terakhir kami pula dinegeri Sabah iaitu Muzium Negeri Sabah, Kampung Budaya Muzium Negeri Sabah dan Kampung Budaya Mari-Mari. Semoga dengan adanya lawatan seperti ini diharapkan dapat memberikan pendedahan, pengalaman dan pengetahuan kepada semua kakitangan yang terlibat bagi melihat sendiri keberkesanan pengurusan institusi permuiziuman sama ada milik kerajaan, swasta mahupun individu dalam memperkenalkan dan memasarkan adat, budaya dan warisan.



Keterujaan kami melihat ular sawa yang begitu panjang dipamerkan di muzium Etnologi Sarawak.

Kami diberi penerangan berkenaan ramuan untuk menyediakan bubur nasi di dalam buluh.



Peluang terakhir, melompat sekuat hati untuk capai kinkilat yang digantung di bahagian atas bumbung rumah.

PAMERAN TERKENANG MASA DAHULU ZAMAN KANAK-KANAK



OLEH : RIZAL BIN MUHAMAD JANAH


Bersempena cuti persekolahan yang bermula pada bulan November ini, Muzium Sultan Alam Shah menyediakan pameran nostalgia zaman kanak-kanak ketika era tahun 80-an dan 90-an. Pameran ini begitu sesuai dengan umur kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dan seisi keluarga. Persembahannya mudah dan santai serta mereka boleh belajar sambil mengenal permainan tradisional kanak-kanak zaman dahulu yang sebahagian besarnya tidak lagi dimainkan oleh kanak-kanak di zaman sekarang.

Jalan cerita pameran ini adalah berkisar tentang 'Cuti Sekolah' yang merupakan masa untuk pelajar berehat kerana tidak perlu ke sekolah. Namun bagi Adat, Waris, Hana, Mei Ling dan Rama, mereka masih belum membuat keputusan mengenai rancangan cuti persekolahan mereka. Dari situ, timbul keinginan mereka untuk mengetahui rahsia cuti sekolah kanak-kanak zaman dahulu iaitu ketika ayah dan ibu mereka masih kecil. Maka kisah itu mula diceritakan oleh si ayah yang sudah pastinya mempunyai kenangan yang tersendiri.

Kunjungilah Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam bagi mengetahui cerita selanjutnya dan berhibur sambil mengimbuai kenangan anda di zaman kanak-kanak dengan bercerita kepada anak-anak tentang zaman yang tidak pernah mengenal apa itu erti penat, erti duka dan yang tahu hanya kegembiraan sahaja.



Pintu masuk utama keruang pameran.



Gimik siaran televisyen cerita-cerita kegemaran zaman kanak-kanak dahulu.



Sebahagian aksi kanak-kanak yang disampaikan melalui teknik cut-out dan dipamer bersama koleksi serta penerangan cara bermain melalui dialog perbualan.



YB Dato' Dr. Ahmad Yunus dibawa menaiki beca untuk ke pentas utama.

TEMASYA PADAT

Budaya & Warisan

OLEH : FARHANI BINTI SHAMSUDIN

Pada 20 hingga 22 November 2015, PADAT dengan julung-julung kalinya telah mengadakan Temasya PADAT: Budaya dan Warisan bertempat di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam. Program ini diadakan sebagai satu usaha PADAT bagi mengumpulkan warisan-warisan seperti seni silat, masakan warisan, pakaian tradisional, persembahan kebudayaan dan seni kraftangan menerusi pameran, persembahan, demonstrasi dan program-program yang telah diadakan sepanjang temasya tersebut.

Terdapat lebih daripada 9 buah program yang telah diadakan antaranya seperti Pertandingan Tarian Piring, Pertandingan Memasak Sambal Taun, Bengkel dan Pertandingan Seni Khat, Demonstrasi Seni Silat, Malam Budaya dan Bahasa, pertandingan mewarna, pertandingan moto klasik dan lain-lain. Turut memeriahkan temasya ialah persembahan-persembahan kebudayaan, persembahan muzik cempuling, gerai masakan warisan serta pameran daripada agensi-agensi dan persatuan bukan kerajaan.

Temasya ini dipercayai telah menarik minat hampir lima ribu orang dari seluruh penduduk Selangor yang telah datang berkunjung sepanjang tiga hari tersebut. Penganjuran temasya dalam masa yang sama juga turut mengeratkan lagi rangkaian hubungan PADAT dan jabatan kerajaan serta organisasi bukan kerajaan seperti pejabat-pejabat daerah di Selangor, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, PESAKA Selangor, Persatuan Keris Warisan, Persatuan Basikal Antik (Jowo Bros), Persatuan Memanah Tradisional, Persatuan Seni Purba Nusantara Selangor, Persatuan Penulis dan Kebajikan Negeri Selangor, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Kelab Wushu Chia, Silambarasan Silambam, Kumpulan Chempuling Warisan Kg. Baru Telok Gong dan lain-lain lagi.



Pertandingan memasak.



Demonstrasi memanah.

Persembahan tarian piring oleh peserta Pertandingan Tarian Piring. Pertandingan ini telah mendapat penyertaan daripada 9 buah sekolah dari seluruh Selangor.



Majlis Perasmian Temasya PADAT: Budaya dan Warisan oleh YB Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi PADAT.

KAIN BUGIS

OLEH : ROHAYU BINTI MOHD YUNUS
NORDIANA BINTI BADRI

Orang Bugis sering dikaitkan dengan kehebatan mereka sebagai ahli pelayaran dan pejuang yang berani. Beberapa bukti penglibatan Orang Bugis di Selangor dapat dilihat dalam peristiwa ketika adik Sultan Kedah meminta bantuan dari orang-orang Bugis di Selangor pada tahun 1681 dan 1682. Seterusnya, kemuncak perjuangan orang-orang Bugis di Selangor ialah pada tahun 1756 apabila Raja Lumu, Putera Daeng Chelak, Yamtuan Muda Johor II (yang berkahwin dengan keluarga Bugis di Selangor) telah menjadi Raja Selangor. Raja Lumu telah dinobatkan sebagai Sultan Selangor pertama pada 1766 dengan gelaran Sultan Salehuddin. Melalui hubungan diplomatik dan perkahwinan ini secara tidak langsung mewujudkan asimilasi dalam seni budaya orang Bugis di Selangor dan salah satu daripadanya adalah pengaruh dan pemakaian kain Bugis.

Kain Bugis, merupakan kain tenunan berasal daripada Sulawesi, Indonesia. Ia dihasilkan daripada benang sutera atau benang kapas serta ditenun menggunakan alat yang dinamakan 'kek gedokan'. Beberapa variasi kain bugis yang ditenun menghasilkan corak seperti beragi halus, berjalur dan zig zag yang beraneka warna. Terdapat juga kain Bugis, yang digerus (digosok menggunakan siput gerus) hingga berkilat dan sesetengahnya ditelepek menggunakan perada emas.

Di Selangor, pengaruh dan pemakaian kain Bugis begitu popular dalam kalangan diraja dan bangsawan Melayu. Kain Bugis yang dipakai oleh lelaki dijadikan kain sarung atau kain samping, manakala kaum wanita memakainya sebagai kain sarung malah ada juga dibuat kerudung (kain tudung kepala). Bukti-bukti pemakaian kain Bugis di Selangor dapat dirakam berdasarkan foto-foto seawal 1850-an khususnya sewaktu pemerintahan Sultan Sir Abdul Samad, Sultan Selangor ke IV selain sumber-sumber bertulis. Umpamanya, dalam Pesaka Selangor, 1966 yang disunting oleh A. Samad Ahmad melalui naskah asalnya yang dikarang oleh Wan Muhammad Amin Wan Muhammad Said, Dato' Penghulu Istiadat Selangor pada tahun 1937 menyebut tatacara berpakaian ketika masuk ke istana Selangor :-

“ Bagi anak raja2 yang laki2 dan tuan2 syed apabila naik ke balai atau masuk istana hendaklah berbaju sarong atau berbaju kurong pandak yang berpesak atau tiada, berseluar panjang daripada benang atau sutera berkain Bugis...”

Hal yang sama juga menjadi peraturan buat pembesar dan orang kebanyakan ketika masuk ke istana:-

“...berseluar panjang daripada benang atau sutera yang berchorak jantan dan berkain Bugis atau seumpamanya...”

hlm 96

Menurut YM Raja Nor Akmal bt. Raja Bahari hari ini, walaupun pemakaian kain Bugis tidak semeriah dulu, namun ia masih menjadi salah satu pilihan ketika hadir acara di istana Selangor. Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab memelihara warisan negeri, PADAT berusaha melestarikan pemakaian kain Bugis dalam kalangan Kumpulan Kesenian PADAT melalui persembahan kebudayaan yang diadakan serta mempamerkan koleksi tersebut di Balai Kebudayaan, Muzium Sultan Alam Shah, agar ia terus dapat dihayati oleh pelawat akan kehalusan dan keindahan tenunan Melayu.

***Kain Bugis punca di tengah,
Dibawa orang jual ke hulu;
Sedang berkasi datang fitnah,
Balk kita berhenti dahulu.***

***Kain Bugis kain Palembang,
Pakai anak Raja Semarang;
Mas merah asalnya kurang,
Emas bersepuh di kayu arang.***



Kain Bugis bergerus, natar hijau tua dan hitam.



Berdiri DYMM Sultan Ala'eddin Suleiman Shah tujuh dari kiri memakai baju Melayu Cekak Musang dan berkain samping tenun bugis bergerus, di Istana Bandar, 1930-an.



Pembesar-pembesar Selangor memakai kain samping tenun bugis. Ihsan Arkib Negara Malaysia.



Kelihatan beberapa pembesar dan hulubalang Selangor memakai baju berkot dan berkain samping tenun bugis. Ihsan Arkib Negara Malaysia.

MUZIUM DAN PENDIDIKAN

OLEH : HASLINDA BINTI ISMAIL

Perkara asas paling utama bidang permuziuman adalah pendidikan terhadap kesedaran kesenian dan ketamadunan bangsa. Muzium merupakan satu institusi yang paling berkeupayaan menyalurkan pendidikan sejarah yang unggul, efektif dan berkesan kepada masyarakat berbanding institusi lainnya. Kelebihan dan himpunan koleksi peringatan silam dan cara peragaan pameran berkesan memudahkan pemahaman masyarakat dalam lebih memahami identiti dan fasa evolusi sesebuah tamadun bangsa. Kekuatan sesebuah muzium bergantung kepada ketulinan dan kehebatan *"master piece"* himpunan koleksi yang pelbagai. Pendidikan berdasarkan koleksi atau artifak silam merupakan kaedah pembelajaran berkesan. Dengan cara ini pelawat akan melalui proses visualisasi dan lebih menghayati sesuatu perkara berbanding dihayati dengan cara teori atau pembacaan.

Melalui pameran pula, kekuatan sesebuah muzium itu dapat dipersembahkan dengan teknik-teknik menarik dan interaktif penggunaan teks dan kapsyen yang menarik dan disamping penggunaan alat interatif teknologi seperti seperti audio-visual, sound effect, pergerakan artifak seperti patung (replika) dan diorama merupakan media berkesan dalam menyumbang kepada pemahaman yang lebih berkesan disamping menimbulkan mood kepada pengunjung. Pendidikan muzium ialah satu bidang khas menumpukan untuk membangun dan memperkukuhkan peranan muzium sebagai institusi awam. Tujuan pendidikan muzium adalah untuk meningkatkan keupayaan pengunjung memahami dan menghargai koleksi muzium (Yusof, 2012). Idea asas penubuhan muzium adalah untuk memungut, mengumpul, memelihara, memulihara dan mempamerkan artifak warisan¹. Matlamat akhir di sebalik kegiatan-kegiatan tersebut adalah untuk mendidik masyarakat tentang warisan bangsa, malah proses permuziuman dan pendidikan adalah hampir sinonim. Misalnya, menurut Neumer (dalam Mohd Yusof Abdullah, 1999: 95):

¹ Ab Samad Kechot Zuraidah Hassan Yusmilayati Yunos, Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal, Jurnal Melayu (5)2010: 285-293

"Education is the key word in the definition, because that is what makes the museum of today valid not just the valuable collections and the striking exhibitions, but the education programs that reach out the community and touch the lives of many."

Para sarjana menyebut pendidikan yang berlaku di sesebuah muzium itu sebagai Pendidikan Muzium (Woodhead & Geoffrey, 1994).

Penekanan pendidikan muzium dalam professional muzium bermula pada era John Cotton Dana seratus tahun dahulu. Manakala *education theorists* seperti Paolo Freire and Loris Malaguzzi, adalah orang yang bertanggungjawab membangunkan *Critical pedagogy* (disiplin yang berkenaan dengan teori dan amalan pendidikan yang terbaik untuk mengajar. Dalam erti kata yang lain ianya adalah gerakan falsafah pendidikan dan sosial kritikal yang digabungkan bagi membantu pelajar mencapai tahap kebebasan dalam mencari ilmu. Pendidikan muzium berlaku dalam dua bentuk, iaitu secara formal dan tidak formal. Secara formal adalah melalui program yang diadakan secara khusus seperti ceramah dan penggunaan koleksi muzium untuk menjelaskan sesuatu. Secara tidak formal adalah kegiatan pengunjungan biasa. Malah program-program tersebut sepatutnya tidak terhad kepada sesuatu peringkat masyarakat sahaja. Penglibatan semua peringkat umur dari muda sehingga dewasa adalah lebih baik. Menurut satu laporan berpengaruh dari 'A Common Wealth' by David Anderson, Director of Learning at the Victoria & Albert Museum,

"...that museum could offer much better services to learners of all kinds, from family groups to pupils and students pursuing courses at all levels. Anderson argued that education needed more resources and needed a higher profile within museums"



Program "School Attack" di sekolah-sekolah yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

Mulai tahun 2014, matlamat dan harapan Dasar Pendidikan Negara Malaysia untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah, subjek wajib lulus bagi memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan menjadikannya sebagai subjek teras bermula di sekolah rendah telah memberi impak kuat kepada kewujudan institusi permuziuman yang berubah mengikut pendekatan terhadap pendidikan negara. Kerjasama dua hala diantara institusi pendidikan dan muzium perlu untuk mewujudkan jaringan kerjasama yang lebih mantap. Muzium perlu dijadikan salah satu komponen penting dalam system pengajaran dan pembelajaran bermula diperingkat pendidikan rendah hingga ke peringkat pendidikan tertinggi. Muzium bukan lagi sekadar tempat memenuhi masa senggang atau tempat bersantai semata-mata. Dalam institusi permuziuman, terma formal dan tidak formal digunakan serentak dalam konteks ini institusi permuziuman dan institusi pendidikan bergerak seiring. Kini tiba masanya Bahagian Pendidikan Muzium berfungsi menggunakan aplikasi P&P iaitu 'Pengajaran dan Pembelajaran' dalam mendidik masyarakat.



Untuk tujuan itu, pelajar diberi ruang dan kebebasan untuk meneroka atau memahami sesuatu bahan yang terdapat di muzium bergantung kepada minat dan kecenderungannya. Proses pelaksanaan pendidikan muzium dengan menempatkan peserta di dalam bilik menyerupai bilik darjah dengan seorang pemudahcara dari kalangan pengamal muzium bersama artifak yang berkaitan. Dengan cara ini interaksi secara formal dan tidak formal berlaku semasa proses. Contoh lain yang boleh diberikan adalah minat pelajar terhadap kereta. Pembelajaran berkenaan sejarah kereta dan aktiviti baik pulih kenderaan antik atau kereta lama boleh menarik minat pelajar dalam menentukan kerjaya mereka di masa hadapan. Pendidikan dan muzium memberi sumbangan cukup besar dalam membina dan mengembangkan minda pelajar terutamanya dalam membina jati diri bangsa. Ini kerana objek pameran dalam muzium merupakan bahan warisan sesebuah negara. Pelajar dapat melihat dan merasai sendiri bagaimana sesuatu budaya dan tamadun bangsa itu berkembang. Institusi muzium mampu dijadikan platform pendidikan sebenar dalam menjayakan unsur pendidikan sepanjang hayat berkaitan pembinaan bangsa.



Aktiviti Pendidikan Muzium kepada pengunjung dengan menggalakkan pengunjung mengambil bahagian membuat "Fridge Magnet" monumen-monumen yang ada didunia sekaligus memberikan pengetahuan kepada pengunjung info monumen tersebut.



Pengunjung perlu diberi peluang 'berinteraksi' dengan koleksi yang dipamer agar penyampaian info berjaya menarik pengunjung datang melawat pameran.



Koleksi sebenar baju mangsa tragedi bom atom di Hiroshima dan Nagasaki dipamerkan bagi menceritakan semula detik sejarah hitam semasa Perang Dunia Kedua. Pendidikan sejarah yang disampaikan melalui Pendidikan Muzium.

Atomic Bombing Devastation :
An Exhibition Of The 1945 Hiroshima
And Nagasaki Tragedy, 2009, Universiti Malaya.

Kesimpulannya, muzium harus dipandang dari perspektif yang berbeza dan belajar mengenali diri sendiri akar warisan yang telah ditinggalkan dan diwariskan kepada generasi sekarang dan akan datang. Tanggapan bahawa muzium sebagai tempat penyimpanan barang lama atau dengan bahasa lebih formal sebagai tempat menyimpan khazanah negara perlu diubah dan diperhalusi semula. Muzium sebagai "Universiti Terbuka" adalah tinggalan benang yang ada untuk kita mempertahankan jati diri mengenali budaya keturunan dan memahami budaya masyarakat lain. Dalam masa yang sama membantu proses pembelajaran formal di sekolah-sekolah. Institusi muzium bersama Pendidikan Muzium perlu lebih kreatif melalui pendekatan dan kaedah pameran yang menekankan teknologi, kreativiti, interaktif dan mesra masyarakat serta membantu mempromosi Institusi Permuziuman sebagai satu pusat entertainment dan enlightenment yang sesuai untuk seisi keluarga.

SUDUT



**KENALI
MUZIUM
SELANGOR**

BAHAGIAN 8



Oleh :
bonZRIZAL

Muzium Permainan Tradisional Rakyat Kuala Selangor terletak di atas Bukit Malawati yang berhampiran dengan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor. Ia dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada 2 Jun 2007



Muzium ini mempamerkan pelbagai permainan tradisional rakyat yang terdapat di Selangor



Selain permainan tradisional rakyat masyarakat Melayu, pelbagai permainan tradisional masyarakat lain juga turut diketengahkan termasuklah permainan tradisional masyarakat Cina, India dan Orang Asli..



BERSAMBUNG..

Suai Padan

Terdapat pelbagai jenis koleksi yang berada di muzium. Mari adik-adik bantu Mei Ling menyimpan koleksi-koleksi muzium mengikut jenisnya. Lukis garisan untuk memadankan koleksi dengan kotak yang bersesuaian.



SAMBUTAN

Maulidur Rasul

PERINGKAT NEGERI SELANGOR

OLEH : MOHAMAD NOR BIN SAPAR & AZRIZAL BIN AHMAD

Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS), setiap tahun akan menganjurkan program perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1437 H/ 2015 M bertempat di Stadlum Malawati Shah Alam. Sambutan Maulidur Rasul ini telah disertai oleh pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), Institut Pengajian Tinggi dan sekolah-sekolah di sekitar Negeri Selangor. Program perarakan ini bertujuan untuk memperingati ulang tahun kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W.) pada tanggal 12 Rabiulawal. Selain itu, ia juga bertujuan bagi merapatkan ukhuwah sesama muslimin. PADAT juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam acara perbarisan dan perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul ini pada setiap tahun. Kali ini, hanya kontinjen lelaki sahaja yang mewakili PADAT yang dianggotai seramai lebih kurang 50 orang kakitangan sahaja. Dan Alhamdulillah, seperti kebiasaannya, PADAT tidak akan pulang dengan tangan kosong kerana kontinjen tunggal PADAT ini sekali lagi telah mengharumkan nama PADAT dengan mendapat Naib Johan Perbarisan dan Johan Sepanduk Kategori Badan Berkanun, pihak berkuasa tempatan, NGO dan Swasta. Tahniah diucapkan.



Wajah-wajah kemenangan manis Maulidur Rasul 1437 Hijrah.



Inilah barisan PADAT, yang ikhlas berjuang...